



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

PEJABAT PENTADBIRAN  
AKADEMIK DAN ANTARABANGSA  
PEJABAT TIBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
OFFICE OF ACADEMIC ADMINISTRATION AND INTERNATIONAL  
OFFICE OF DEPUTY VICE CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)  
مُجَابَت قَنْدَبِيرَان آكَادَمِيك دَان اِنْتَارَابَغْسَا  
مُجَابَت تَبَالَان نَابِ كَانْسُولَر (آكَادَمِيك دَان اِنْتَارَابَغْسَا)

# BUKU PANDUAN PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH

*UNDERGRADUATE STUDY PROGRAMME HAND BOOK*

**SESI AKADEMIK**  
ACADEMIC SESSION

**2024/2025**

**FAKULTI PERHUTANAN DAN  
ALAM SEKITAR**

*FACULTY OF FORESTRY AND ENVIRONMENT*

<b>MAKLUMAT AM /</b> <i>GENERAL INFORMATION</i>	<b>01</b>
<hr/>	
<b>SKEMA PENGAJIAN ELEX</b> <b>UNTUK PROGRAM 4 TAHUN</b>	<b>07</b>
<hr/>	
<b>BACELOR SAINS PERHUTANAN</b> <b>DENGAN KEPUJIAN /</b> <i>BACHELOR OF</i> <i>FORESTRY SCIENCE WITH HONOURS</i>	<b>09</b>
<hr/>	
<b>BACELOR SAINS INDUSTRI</b> <b>PERKAYUAN DENGAN KEPUJIAN /</b> <i>BACHELOR OF SCIENCE IN TIMBER</i> <i>INDUSTRY WITH HONOURS</i>	<b>22</b>
<hr/>	
<b>BACELOR SAINS TAMAN DAN</b> <b>REKREASI DENGAN KEPUJIAN /</b> <i>BACHELOR OF PARKS AND</i> <i>RECREATION SCIENCE WITH</i> <i>HONOURS</i>	<b>35</b>
<hr/>	
<b>BACELOR PENGURUSAN ALAM</b> <b>SEKITAR DENGAN KEPUJIAN /</b> <i>BACHELOR OF ENVIRONMENTAL</i> <i>MANAGEMENT WITH HONOURS</i>	<b>46</b>
<hr/>	
<b>BACELOR SAINS DAN TEKNOLOGI</b> <b>ALAM SEKITAR DENGAN KEPUJIAN /</b> <i>BACHELOR OF ENVIRONMENTAL</i> <i>SCIENCE AND TECHNOLOGY WITH</i> <i>HONOURS</i>	<b>58</b>
<hr/>	
<b>SINOPSIS KURSUS /</b> <i>COURSE</i> <i>SYNOPSIS</i>	<b>70</b>
<hr/>	
<b>KURSUS TAWARAN FAKULTI LAIN /</b> <i>COURSES OFFERED BY OTHER</i> <i>FACULTIES</i>	<b>116</b>

# FAKULTI PERHUTANAN DAN ALAM SEKITAR FACULTY OF FORESTRY AND ENVIRONMENT

## **Maklumat Am / General Information**

Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS) ditubuhkan pada 1 Mac 2020 merupakan hasil transformasi governans antara Fakulti Perhutanan dan Fakulti Pengajian Alam Sekitar dengan matlamat memperkukuhkan alam semulajadi (*Fortifying Mother Nature*). Selari dengan transformasi governan Universiti Putra Malaysia, gabungan fakulti ini bukan sahaja akan memantapkan kualiti perkhidmatan dalaman, malah dapat memberi impak kepada kelestarian program yang ditawarkan ke arah penghasilan graduan versatil dan berkualiti. Untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan, FHAS telah menjalin kerjasama rapat dengan fakulti lain di UPM dan juga dengan agensi dan institut perhutanan dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa. Kerjasama ini dapat mempertingkatkan keupayaan FHAS menyelia pelajar pada peringkat pengajian siswazah.

Sejak penubuhannya, FHAS telah berkembang dengan pesat dalam aspek pendidikan dan penyelidikan serta pembangunan sumber. FHAS bertekad untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan yang unggul dalam pendidikan dan penyelidikan dalam bidang Perhutanan dan Alam Sekitar. Dalam membangunkan sumber manusia serta kemudahan prasarana profesional yang cemerlang, FHAS sentiasa berusaha meningkat dan memantapkan keupayaan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan ke tahap yang terbaik.

FHAS mempunyai empat jabatan iaitu :

- i) Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti
- ii) Jabatan Industri Kayu dan Gentian
- iii) Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan
- iv) Jabatan Alam Sekitar

*Faculty of Forestry and Environment (FHAS) was established on March 1, 2020 as a result of the transformation of governance between the Faculty of Forestry and the Faculty of Environmental Studies with the goal of strengthening nature (Fortifying Mother Nature). In line with the transformation of the governing body of Universiti Putra Malaysia, this combination of faculties will not only strengthen the quality of internal services, but also have an impact on the sustainability of the programs offered towards the production of versatile and quality graduates. To achieve excellence in teaching and research, the Faculty works closely with other faculties in UPM as well as other forestry related agencies and institutions, local as well as international. These partnerships serve to enhance the ability of the Faculty to supervise students at the Graduate level.*

*Since its establishment, the Faculty has grown rapidly in terms of education and research as well as resource development. FHAS is determined to be a center of excellence in education and research in the field of Forestry and Environment. The Faculty of Forestry and Environment constantly strives to improve and enhance its abilities in teaching, research and services to the highest levels in pursuit of its goals of developing excellent human resources as well as state-of-the-art professional facilities. FHAS has four departments, namely :*

- i) *Department of Forestry Science and Biodiversity*
- ii) *Department of Wood Fiber and Industries*
- iii) *Department of Recreation and Ecotourism*
- iv) *Department of Environment*

## **Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti / Department of Forestry Science and Biodiversity**

Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti telah diberi penamaan semula dari Jabatan Pengurusan Hutan yang ditubuhkan pada tahun 1973 bersama Fakulti Perhutanan (sekarang sebagai FHAS). Matlamat Jabatan adalah untuk melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran profesional yang relevan, termasuk kemahiran teknikal untuk mengurus hutan dengan pendekatan yang holistik melibatkan keseimbangan alam semulajadi, ekonomi dan sosiobudaya yang mampan. Ini adalah bertepatan dengan Dasar Perhutanan Malaysia yang juga selaras dengan agenda kebangsaan untuk mengurus dan melindungi sumber hutan dengan komitmen negara untuk mengekalkan kawasan liputan hutan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara seperti yang telah dimeterai di Rio Earth Summit pada 1992. Di samping itu, komitmen Malaysia untuk menangani perubahan iklim dengan usaha untuk mengurangkan peningkatan suhu global kurang dari 1.5°C melalui pengurusan hutan dan sumber hutan yang mampan. Pengurusan hutan yang mampan adalah amat penting dalam mencapai komitmen negara yang juga selari dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030. Pengurusan hutan yang lestari adalah amat penting demi memastikan kepelbagaian biologi negara dipelihara dan dipulihara sama ada di hutan asli atau di hutan ladang seterusnya menghalang kepupusan atau pengurangan bilangan spesies flora dan fauna yang menjadikan Malaysia sebagai negara mega biodiversiti. Pengurusan hutan bandar turut menyumbang dalam usaha menangani isu perubahan suhu global dan pengendalian kepelbagaian biologi negara melalui perancangan bandar yang mampan, pengurusan pokok bandaran serta ekosistem hutan bandar bagi mengurus dan memantau risiko kemalangan dan kematian, dan langkah-langkah mengatasi isu *urban heat island* (UHI).

Sehubungan itu, Jabatan menawarkan program Bachelo Sains Perhutanan dengan kepujian dengan tiga (3) opsyen iaitu Pengurusan Hutan, Perhutanan Bandar dan Ekologi dan Konservasi Hidupan Liar. Kebergantungan hutan yang tidak lagi berfokus kepada sumber kayu dari hutan asli berikutan tekanan terhadap kesan kepada ekologi, ekonomi dan sosio-budaya telah mewujudkan inisiatif penubuhan ladang hutan. Inisiatif ini seterusnya memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan untuk industri perkayuan selari dengan Dasar Industri Perkayuan Negara (NATIP) 2009-2020 yang kemudian di diperkukuhkan lagi melalui pembangunan Pelan Strategik Industri Perkayuan Negara (NTISP) 2021-2025. Justeru, opsyen Pengurusan Hutan diperkukuhkan dengan penambahbaikan kursus dan kandungan kursus berkaitan perladangan hutan demi memastikan hutan diurus, dipulih dan dipelihara dengan baik demi menjaga sumber hutan berasaskan kayu dan hasil hutan bukan kayu. Penawaran pilihan opsyen Ekologi dan Konservasi Hidupan Liar adalah sejajar dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2022-2030) yang memerlukan lebih ramai tenaga pakar terutamanya ahli perhutanan untuk mengarusperdana usaha negara dalam pengurusan dan konservasi sumber hidupan liar secara lestari. Bagi elektif Perhutanan Bandar, ianya mengambil kira keperluan semasa hutan buatan di kawasan perbandaran dan penempatan. Ini dinyatakan dalam Dasar Landskap Negara (2011) yang antaranya bertujuan merancang, melaksana dan mengurus infrastruktur hijau di kawasan perbandaran secara sistematik dan efisien.

Bagi memperkukuhkan bidang pengurusan hutan dan bidang berkaitan perhutanan, jabatan menyediakan prasarana makmal dan modal insan dengan kepakaran yang pelbagai bagi melaksanakan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta khidmat masyarakat. Jabatan juga dilengkapi dengan makmal dan peralatan pengajaran seperti Herbarium, Makmal Tanah Hutan, Makmal Hidrologi, Makmal Entomologi, Makmal Patologi, Makmal Fisiologi, Makmal Ekologi Hutan, Makmal Bioteknologi, Makmal Teknologi Biji Benih, Makmal Teknologi Maklumat, Makmal Kejuruteraan Hutan, Makmal Kebakaran Hutan, Makmal Hidupan Liar, Makmal Perhutanan Bandar dan Makmal Foto Udara.

*Department of Forestry Science and Biodiversity has been renamed from the Department of Forest Management, which was established in 1973 under the Faculty of Forestry (now known as FHAS). The Department aims to produce graduates with relevant professional knowledge and skills, including technical skills to manage forests via a holistic approach, involving a sustainable balance of nature, economy and socio-culture. This is in line with the Malaysian Forestry Policy, which is also in line with the national agenda of managing and protecting forest resources. The country is pledged to maintain forest cover of at least 50% of the country's land area following the Rio Earth Summit in 1992. Malaysia is committed to addressing climate change with efforts to reduce global temperature to less than 1.5°C through sustainable management of forests and forest resources. Sustainable forest management is vital in achieving the country's commitment, which aligns with the National Biodiversity Policy 2022-2030. Sustainable forest management is crucial to ensure that the country's biological diversity is preserved and restored in natural forests or plantation forests, thereby preventing the extinction or reduction in the number of flora and fauna species that make Malaysia a mega-biodiversity country. Urban forest management also contributes to efforts to address the issue of global climate change and the maintenance of national biodiversity through sustainable urban planning, i.e. management of urban*

trees and urban forest ecosystems to reduce the risk of accidents and deaths, and overcome the issue of urban heat island (UHI).

Accordingly, the Department offers an undergraduate programme, i.e. Bachelor of Forestry Science with honours with three (3) options: Forest Management, Urban Forestry, as well as Wildlife Ecology and Conservation. Forest dependence, which is no longer focused on wood resources from natural forests due to pressure on ecological, economic, and socio-cultural impacts, has created initiatives to establish forest plantations. This initiative further ensures a continuous supply of raw materials for the timber industry in line with the National Timber Industry Policy (NATIP) 2009-2020, which is further reinforced through developing the National Timber Industry Strategic Plan (NTISP) 2021-2025. Therefore, the Forest Management option is strengthened by improving the courses and course content related to forest plantations to ensure that forests are well managed, restored and preserved to protect timber forest resources and non-timber forest products. The offer of the Wildlife Ecology and Conservation option is in line with the National Biodiversity Policy (2022-2030), which requires more experts, especially foresters, to mainstream the country's efforts in sustainable management and conservation of wildlife resources. The Urban Forestry elective considers the current need for manmade forests in urban areas and settlements. This is stated in the National Landscape Policy (2011), which aims to implement and manage green infrastructure in urban areas systematically and efficiently.

To strengthen forest management and forestry-related fields, the Department provides laboratory infrastructure and human capital with diverse expertise to support teaching, learning, research, and community service. The Department is also equipped with laboratories and teaching equipment such as Herbarium, Forest Soil Laboratory, Hydrology Laboratory, Entomology Laboratory, Pathology Laboratory, Physiology Laboratory, Forest Ecology Laboratory, Biotechnology Laboratory, Seed Technology Laboratory, Information Technology Laboratory, Forest Engineering Laboratory, Forest Fire Laboratory, Wildlife Laboratory, Urban Forestry Laboratory and Aerial Photo Laboratory.

### **Jabatan Industri Kayu dan Gentian / Department of Wood Fiber and Industries**

Jabatan Industri Kayu dan Gentian merupakan nama baharu jabatan yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Industri Sumber Alam yang asalnya dari Jabatan Pengeluaran Hutan yang ditubuhkan pada tahun 1973. Matlamat Jabatan adalah untuk melahirkan graduan terlatih, profesional dalam bidang sumber hutan dan perkayuan. Untuk mencapai matlamat tersebut, jabatan menawarkan program Bachelo Sains dan Teknologi Kayu semenjak tahun 2006 dan hasil semakan semula dan maklumbalas pihak berkepentingan, program ini dijenamakan kepada Bachelo Sains Industri Perkayuan dengan Kepujian mulai sesi 2024/2025 bagi memperkukuhkan bidang industri perkayuan.

Program Bachelo Sains Industri Perkayuan dengan Kepujian merupakan program pelbagai disiplin yang melibatkan komponen sains asas, sains kayu, teknologi pemprosesan, dan ekonomi dan pengurusan dalam pemasaran sumber hutan. Disamping itu, pelajar juga akan didedahkan dengan Latihan profesional di mana pelajar ditempatkan di pelbagai agensi awam untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam menyelesaikan masalah secara lebih praktik dalam keadaan sebenar.

Pegawai Akademik Jabatan ini mempunyai pelbagai latar belakang dalam bidang pengkhususan yang berkaitan dengan perkayuan dan sumber hutan. Di antara aktiviti penyelidikan dan kerja perundingan yang dijalankan merangkumi bidang sains kayu dan gentian, pemprosesan kayu, peningkatan mutu kayu, biokomposit, teknologi pulpa dan kertas, ekonomi dan pemasaran hasil hutan.

Jabatan juga dilengkapi dengan peralatan pengajaran dan makmal seperti Bengkel Teknologi Kayu, Anatomi Kayu, Kimia Kayu, Pulpa dan Kertas, Uji Bahan, Komposit, Kemerostan Kayu dan Pengawalan, Hasil Hutan, dan Ziliarium. Antara alatan utama dalam makmal ini adalah alatan mesin uji kayu (Instron), image analyzer, spektrofotometer, pemesinan kayu, penekan panas, tanur, silinder rawatan bertekanan dan ketuhar gelombang berskala industri.

Dengan gabungan modal insan dan peralatan yang ada, jabatan juga menawarkan kursus jangka pendek kepada masyarakat dan pengusaha industri yang berminat untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang berkaitan industri berasaskan kayu. Diantara kursus lazim yang ditawarkan adalah kursus pengeringan dan pengawetan kayu, pulpa dan kertas, aplikasi komputer dalam reka bentuk produk kayu, dan analisis kewangan untuk industri perkayuan.

*Department of Wood Fiber and Industries is the new name of the previous Department of Natural Resources dan Industries, which was originally known as the Department of Forest Production, formed in 1973. The aim of the department was to produce professional and trained graduates in the field of*

wood industry. To achieve that goal, the department has been offering a Bachelor of Wood Science and Technology program since 2006 and as a result of revision and feedback from stakeholders, this program has been branded as a Bachelor of Science in Timber Industry with Honors from 2024/2025 session to strengthen the field of the wood industry.

The Bachelor of Sciences in Timber Industry with Honors program is a multi-disciplinary program, that incorporates basic sciences, wood science, processing technology, as well as marketing and management of wood products. Apart from that the students are also exposed to professional training, where the students undergo internship in various government agencies and private organizations to increase their soft skills and also enable them to solve problems in a practical manner.

The academics at the department have various backgrounds and expertise related to forest resources and wood industry. Among the research and consultancy tasks undertaken include wood science, fiber science, wood processing, enhancement of wood products, biocomposites, pulp and paper technology, economics and marketing of wood.

The department is also equipped with teaching equipments and laboratories, such as Wood Technologist Workshop, Wood Anatomy, Wood Chemistry, Pulp and Paper, Materials Testing, Composites, Wood Deterioration and Protection, Forest Product and Xylarium. Among the notable equipments used include the Instron universal testing machine, image analyzer, spectrophotometer, woodworking machines, hot press, kiln, treatment chamber, pressure vessel and industry-scale microwave oven.

With the human capital and infrastructure available, the department also offers short courses to the community and industry players who are interested to enhance their knowledge and skills in specific areas of the wood industry. Among the notable courses offered include the wood drying and treatment, pulp and paper, computer application in wood product design, and financial analysis for wood industry.

## **Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan / Department of Recreation and Ecotourism**

Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 September 2012. Jabatan menawarkan program Bachelor Sains Taman dan Rekreasi dengan Kepujian mulai Sesi 2011/2012. Penawaran program ini dengan aspirasi untuk mengeluarkan pemimpin yang profesional dalam mengurus dan mengoperasikan hal berkaitan bidang taman alam dan rekreasi dengan lebih beretika serta berdaya maju.

Pengkhususan kepakaran pegawai akademik Jabatan ini termasuklah dalam bidang Ekologi Rekreasi (*Recreation Ecology*), Pemrograman Rekreasi (*Recreation Programming*), Keusahawanan Rekreasi (*Recreation Entrepreneurship*), Kemahiran Rekreasi Luar (*Outdoor Recreation Skills*), Pentadbiran Taman (*Parks Administration*) Perancangan dan Rekabentuk Taman (*Parks Planning and Designing*), Interpretasi Persekitaran (*Environmental Interpretation*), Kepemimpinan Rekreasi (*Recreation Leadership*), Rekreasi Terapi (*Therapeutic Recreation*), Pengurusan Risiko Alam Liar (*Wilderness Risk Management*), Ekonomi Rekreasi (*Recreation Economy*) dan Ekopelancongan (*Ecotourism*).

Penubuhan Jabatan ini adalah seiring dengan aspirasi negara untuk memperhebatkan industri pelancongan sebagai pemacu kekuatan ekonomi negara bersesuaian dengan prinsip pembangunan industri pelancongan yang mampan. Bidang ekopelancongan merupakan salah satu daripada 11 sektor yang terangkum di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Di bawah pelaksanaan program NKEA, bidang ekopelancongan akan bakal meningkatkan permintaan tenaga kerja profesional dalam dalam industri pelancongan yang berteraskan alam semulajadi. Pihak Jabatan juga dalam perancangan untuk menawarkan program Master Ekopelancongan yang menawarkan kursus-kursus berteraskan prinsip ekopelancongan di peringkat pasca siswazah. Tenaga akademik dan kepakaran Jabatan ini berpotensi untuk memantapkan program akademik yang ada di Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar secara khususnya serta Universiti Putra Malaysia secara amnya.

*Department of Recreation and Ecotourism Established on 1 September 2012, the Department of Recreation and Ecotourism began offering the Bachelor of Parks and Recreation Science program since the 2011/2012 as it aspires to produce graduates who are professionally ethical and competent in leading and planning programs in the field of nature parks and recreation. The academic staffs in the Department specializes in various fields including Recreation Ecology, Recreation Programming, Recreation Entrepreneurship, Outdoor Recreation Skills, Parks Administration Parks Planning and Designing, Environmental Interpretation, Recreation Leadership, Therapeutic Recreation, Wilderness Risk Management, Recreation Economy and Ecotourism.*

*The Department's establishment is in line with the country's aspiration in developing the tourism industry towards steering the country's economy parallel to the principles of sustainable tourism. Ecotourism being one of the 11 sectors listed under the country's National Key Economic Areas is set to increase the demand for professional work force in the tourism industry, specifically nature-based tourism. The department is planning to offer the Master in Ecotourism program that offers courses based on the principles of tropical ecotourism. The programs offered in the Department will enhance the academic programs and expertise available in the Faculty of Forestry and Environment, specifically and Universiti Putra Malaysia, as a whole.*

### **Jabatan Alam Sekitar / Department of Environment**

Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah gabungan daripada dua (2) Jabatan terdahulu di Fakulti Pengajian Alam Sekitar iaitu Jabatan Sains Alam Sekitar dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar. Selari dengan aspirasi universiti berhubung kepentingan pengurusan alam sekitar lestari dalam pembangunan negara serta matlamat pembangunan mampan global, jabatan ini memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan bidang sains dan teknologi (S&T) dan pengurusan alam sekitar yang kalis masa hadapan.

Jabatan Alam Sekitar menawarkan dua program di peringkat Bacelor iaitu Bacelor Pengurusan Alam Sekitar dengan Kepujian (BPAS) yang mula ditawarkan pada 2006 dan Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar dengan Kepujian (BSTAS) mula ditawarkan pada 2009 serta satu program Master iaitu Master Alam Sekitar (MEnv).

Kesemua program di Jabatan Alam Sekitar telah mendapat akreditasi peringkat antarabangsa daripada Committee of Heads of Environmental Sciences, The Institution of Environmental Sciences, iaitu satu badan antarabangsa yang mengiktiraf kurikulum program dalam bidang sains alam sekitar. Akreditasi ini membuktikan kualiti tinggi kurikulum program serta membuka peluang kerjaya sebagai saintis profesional alam sekitar yang diiktiraf.

*The Department of Environment (DOE) is a combination of the previous two (2) departments in the Faculty of Environmental Studies, namely the Department of Environmental Science and the Department of Environmental Management. In line with the university's aspirations on the importance of sustainable environmental management in national development as well as global Sustainable Development Goals, the department plays an important role in producing future-proof graduates in the field of environmental science and technology (S&T) and environmental management.*

*The Department of Environment, FHAS offers two programs at the Bachelor's level, namely the Bachelor of Environmental Management with Honors (BEM) which was first offered in 2006 and the Bachelor of Environmental Science and Technology with Honors (BEST) was offered in 2009, as well as from one Master's program, Master of Environment (MEnv).*

*All programs in the Department have received international accreditation from the Committee of Heads of Environmental Sciences, The Institution of Environmental Sciences, an international body that recognizes the program curriculum in the field of environmental sciences. This accreditation proves the high quality of the program curriculum as well as opening up career opportunities as a recognized chartered environmental professional and scientist.*

## **Pengurusan Fakulti / Faculty Management**

### **Dekan / Dean**

Prof. Dr. Azlizam Aziz

### **Timbalan Dekan (Akademik, Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**

*Deputy Dean (Academic, Student Affairs & Alumni)*

Dr. Amir Affan Abdul Azim

### **Timbalan Dekan (Siswazah, Penyelidikan & Antarabangsa)**

*Deputy Dean (Graduates, Research and International)*

Prof. Dr. Latifah Abd Manaf

### **Timbalan Dekan (Pendanaan, Pembangunan dan Jaringan Industri & Masyarakat)**

*Deputy Dean (Funding, Development and Industry & Community Engagement)*

Prof. Madya Dr. Mohd Rusli Ya'cob

### **Ketua, Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti**

*Head, Department of Forestry science and Biodiversity*

Prof. Madya Dr. Puan Cheong Leong

### **Ketua, Jabatan Industri Kayu dan Gentian**

*Head, Department of Wood and Fiber Industry*

Dr. Norzanalisa Saadun

### **Ketua, Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan**

*Head, Department of Recreation and Ecotourism*

Ts. Dr. Mohd Hafizal Ismail

### **Ketua, Jabatan Alam Sekitar**

*Head, Department of Environment*

Gs. Dr. Zakiah Ponrahono

## **Program Prasiswazah yang ditawarkan / Undergraduate programmes offered**

1. Bacelor Sains Perhutanan dengan Kepujian (*Bachelor of Forestry Science with Honours*)
2. Bacelor Sains Industri Perindustrian dengan Kepujian (*Bachelor of Science in Timber Industry with Honours*)
3. Bacelor Sains Taman dan Rekreasi dengan Kepujian (*Bachelor of Parks & Recreation Science with Honours*)
4. Bacelor Pengurusan Alam Sekitar dengan Kepujian (*Bachelor of Environmental Management with Honours*)
5. Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar dengan Kepujian (*Bachelor of Environmental Science and Technology with Honours*)



**SKEMA PENGAJIAN PAKEJ ELEX UNTUK PROGRAM 4 TAHUN (BAHARU)**  
(Berkuatkuasa Semester 1, 2022/2023)

Semester	SKEMA UNTUK PROGRAM 4 TAHUN		
	MUET 1.0 – 2.5 IELTS 3.0 – 3.5 CIEP 101 – 103 PTE 30 – 42 CE 120 – 139	MUET 3.0 – 4.5 TOEFL iBT 42 – 94 IELTS 4.0 – 6.5 CIEP 104 – 109 PTE 43 – 75 CE 140 – 179	MUET 5.0 – 5+ TOEFL iBT 95 – 120 IELTS 7.0 – 9.0 PTE 76 – 90 CE 180 – 230
1	LAX 12 mata	LAX 6 mata	LAX 6 mata
2	CEL2102 LAX 6 mata	LPE2403	Pilih SATU: CEL 2103/2104
3	LPE2302	LPE2503	Pilih SATU: LPE2303/LPE2504/ Bahasa global
4	LPE2403	LAX 6 mata	LAX 6 mata
5	LPE2503	Pilih SATU: CEL 2105/2106/2107	Pilih SATU: LPE2303/LPE2504/ Bahasa global
6	Pilih SATU: CEL 2105/2106/2107	Pilih SATU: CEL 2105/2106/2107	LAX 6 mata
7	Pilih SATU: CEL 2105/2106/2107	LAX 6 mata	LAX 6 mata
8	LAX 6 mata	LAX 6 mata	

CEFR	MUET		IELTS	TOEFL iBT	CIEP	Pearson Test of English (PTE) Academic	Cambridge English	Keperluan Bergraduat
Tahap	Band (format lama)	Band (format baharu)	Skor	Skor	Tahap	Skor	Skor	
C1-C2	5 - 6	5.0 – 5+	7.0 – 9.0	95 – 120	N/A	76-90	180 – 230	2 LPE+1 CEL+24 mata LAX atau 1 LPE+1 CEL+24 mata LAX + 1 Bahasa Global
B1-B2	3 - 4	3.0 – 4.5	4.0 – 6.5	42-94	104 – 109	43-75	140 – 179	2 LPE+2 CEL+24 mata LAX
A1-A2	1 - 2	1.0 - 2.5	2.5 – 3.5	N/A	101 – 103	24-42	100 – 139	3 LPE+3 CEL+24 mata LAX

Note:

**Students must follow the scheme of study provided based on MUET (or equivalent) every semester.**

- *Students MUET Band 5 and 6 have the option of taking either one or two LPE courses. Students who choose one LPE course, must also take a course in global language.*
- *Students who are on Industrial Training in a specific semester, do not need to register for English Language course or English Language skills activities for that semester but have to register and attend the course or activity in the preceding or prospective semester (subject to pre-requisite courses).*

**Information for ELEX (English Language Experience) package**

I. LPE courses [credit (2+1)]

- LPE2302 (*Reading for Academic Purposes*)
- LPE2403 (*Academic Interaction and Presentation*)
- LPE2503 (*Academic Writing*)
- LPE2303 (*Critical Reading Skills*) **ONLY** for MUET Band 5 & 6
- LPE2504 (*Creative Writing Skills*) **ONLY** for MUET Band 5 & 6

*Note: Students who failed the LPE course, must repeat the course until they pass before taking the next course.*

II. CEL courses

- CEL2102 (*Effective Listening and Speaking*)
- CEL2103 (*Writing Academic Texts*)
- CEL2105 (*Spoken Communication for the Workplace*)
- CEL2106 (*Communication for Professional Development*)
- CEL2107 (*Written Business Communication*)

*Note: Students who obtained Level 1 for CEL course, must repeat the course until pass (Level 2 and above).*

III. LAX

- *LAX (6 points or 12 points); 1 point = 2 hours per week*
- *6 points LAX = 6 weeks x 2 hours per week*
- *12 points LAX = 12 weeks x 2 hours per week*
- *LAX activities offered each semester will be announced by CALC (Centre for the Advancement of Language Competence)*

*Note: Students who obtained TM (Not Satisfactory), must take the same or different LAX activities to replace the failed activity points (TM). Students must ensure that the required number of LAX points is fulfilled before graduation.*

IV. Pre-requisites for courses

- LPE2302: MUET Band 1 – 2/equivalent
- LPE2403: CEL 2102 Level 2 or MUET Band 3 – 4/equivalent
- LPE2503: Passed LPE2403
- CEL2103: Passed LPE2503 or MUET Band 5 – 6/equivalent
- CEL2102, 2105, 2106, 2107: No pre-requisite required

**Bachelor Sains Perhutanan  
dengan Kepujian**

*Bachelor of Forestry Science with  
Honours*

## STRUKTUR KURIKULUM CURRICULUM STRUCTURE

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Bachelor Sains Perhutanan dengan Kepujian</b>
<i>Programme Name</i>		<i>Bachelor of Forestry Science with Honours</i>
<b>Jumlah Kredit Bergraduat</b>	<b>:</b>	<b>128 Kredit / Credit</b>
<i>Total Credits to Graduate</i>		
<b>Tempoh Pengajian</b>	<b>:</b>	<b>8 Semester / Semesters ( 4 Tahun / Years )</b>
<i>Period of Study</i>		
<b>Objektif Pendidikan Program</b>	<b>:</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghasilkan profesional yang berpengetahuan, dan berkemahiran dalam bidang sains perhutanan dan bidang berkaitan perhutanan selaras dengan pembangunan dan kelestarian sumber hutan. <i>Produce professionals who are knowledgeable and skilled in the field of forestry science and forestry-related fields in line with the development and sustainability of forest resources.</i></li> <li>2. Menghasilkan profesional yang berkeupayaan dalam penyelesaian masalah berkaitan perhutanan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat demi menjamin kelestarian sumber hutan. <i>To produce professionals capable of solving forestry-related problems and practicing lifelong learning to ensure the sustainability of forest resources.</i></li> <li>3. Menghasilkan profesional yang bertanggungjawab ke atas masyarakat dalam menjaga dan mengurus sumber hutan yang lestari. <i>To produce professionals who are responsible for the community in caring for and managing sustainable forest resources.</i></li> </ol>
<i>Programme Educational Objective</i>		

### RINGKASAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM SUMMARY OF PROGRAM LEARNING OUTCOMES

<b>Program / Programme</b>	Pengetahuan dan Kefahaman / <i>Knowledge and Understanding</i>	Kemahiran Praktikal / <i>Practical Skills</i>	Kemahiran kognitif / <i>Cognitive Skills</i>	Kemahiran Berkomunikasi / <i>Communication Skills</i>	Kemahiran Interpersonal / <i>Interpersonal Skills</i>	Etika dan Professionalisme / <i>Ethics and Professionalism</i>	Kemahiran digital dan pendidikan Sepanjang Hayat / <i>Digital Skills and Life-Long Learning</i>	Kemahiran personal dan keusahawanan / <i>Personal and Entrepreneurial Skills</i>	Kepimpinan, autonomi dan Tanggungjawab / <i>Leadership, autonomy and responsibility</i>	Kemahiran numerasi / <i>Numeracy Skills</i>
	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	PO8	PO9	PO10
	C	P	CTPS	CS	TS	EM	LL	KK	LS	NS
Bachelor Sains Perhutanan dengan Kepujian <i>Bachelor of Forestry Science with Honours</i>	42	32	20	16	10	19	19	4	11	6

# 1. KURSUS UNIVERSITI / UNIVERSITY COURSES ( 21 KREDIT / CREDITS )

## (A) PELAJAR TEMPATAN / LOCAL STUDENT

KATEGORI KURSUS	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	Kr	K	A/T	PRASYARAT	(✓) Jika lulus	
MATA PELAJARAN UMUM (MPU)	U1	SKP3112	Falsafah dan Isu Semasa	2	2	0	Tiada	
		SKP3122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	2	0	Tiada	
	U2	MGM3180	Asas Keusahawanan	3	3	0	Tiada	
	U3	SKP2101	Kenegaraan Malaysia	3	3	0	Tiada	
		FEM2313	Integriti dan Rasuah	1	1	0	Tiada	
	U4	QKXXXXX	Ko-kurikulum	1	0	1	Tiada	
QKXXXXX		Ko-kurikulum	1	0	1	Tiada		
KURSUS UNIVERSITI WAJIB	LPE2403	Interaksi dan Pembentangan Akademik	3	3	0	<b>CEL2102</b>		
	LPE2503	Penulisan Akademik	3	3	0	<b>LPE2403</b>		
	PRT2009	Pertanian dan Kehidupan	2	1	1	Tiada / None		

Nota / Notes : (Kr) Kredit / Credit; (K) Kuliah / Lecture; (A) Amali / Laboratory; (T) Tutorial

## (B) PELAJAR ANTARABANGSA / INTERNATIONAL STUDENT

COURSE CATEGORY	COURSE CODE	COURSE NAME	Kr	K	A/T	PREREQUISITE	(✓) if passed	
GENERAL COURSES (MPU)	U1	SKP3113	Falsafah dan Isu Semasa Masyarakat Sivil / <i>Philosophy and Current Issues in Civil Society</i>					
		ATAU / OR	ATAU / OR	3	3	0	Tiada / None	
		SKP3123	Penghayatan Etika dan Peradaban di Malaysia / <i>Internalization of Ethics and Civilization in Malaysia</i>					
		LPM2100	Bahasa Melayu Komunikasi / <i>Malay Language Communication</i>	2	2	0	Tiada / None	
	U2	MGM3180	Asas Keusahawanan / <i>Basic Entrepreneurship</i>	3	3	0	Tiada / None	
	U3	FEM2401	Politik Malaysia Dan Masyarakat / <i>Malaysian Politics And Society</i>	2	2	0	Tiada / None	
		FEM2313	Integriti dan Rasuah / <i>Integrity and Anti-Corruption</i>	1	1	0	Tiada / None	
	U4	QKXXXXX	Ko-kurikulum / <i>Co-curriculum</i>	1	0	1	Tiada / None	
QKXXXXX		Ko-kurikulum / <i>Co-curriculum</i>	1	0	1	Tiada / None		
COMPULSORY UNIVERSITY COURSES	LPE2403	Interaksi dan Pembentangan Akademik / <i>Academic Interaction and Presentation</i>	3	3	0	<b>CEL2102</b>		
	LPE2503	Penulisan Akademik / <i>Academic Writing</i>	3	3	0	<b>LPE2403</b>		
	PRT2009	Pertanian dan Kehidupan / <i>Agriculture and Life</i>	2	1	1	Tiada / None		

Nota / Notes : (Kr) Kredit / Credit; (K) Kuliah / Lecture; (A) Amali / Laboratory; (T) Tutorial

## 2. KURSUS TERAS / CORE COURSES ( 74 KREDIT / CREDITS )

KOD KURSUS / COURSE CODE	NAMA KURSUS / COURSE NAME	Kr	K	A/T	PRASYARAT/ PREREQUISITE	(√) Jika lulus / if passed
FHH3101	Sains Kayu / Wood Science	3	2	1	Tiada / None	
FHM3103	Dendrologi Dipterokarpa / Dendrology of Dipterocarps	2	1	1	Tiada / None	
FHM3104	Dendrologi Bukan Dipterokarpa / Dendrology of Non-Dipterocarps	2	1	1	Tiada / None	
FHM3105	Fisiologi Pokok / Tree Physiology	3	2	1	Tiada / None	
FHM3106	Ekologi Hutan / Forest Ecology	3	2	1	Tiada / None	
FHM3107	Tanah Hutan / Forest Soil	3	2	1	Tiada / None	
FHM3108	Entomologi Hutan / Forest Entomology	2	1	1	Tiada / None	
FHM3109	Patologi Hutan / Forest Pathology	2	1	1	Tiada / None	
FHM3110	Ekonomi Perhutanan / Forestry Economics	3	3	0	Tiada / None	
FHM3112	Kaedah Kuantitatif Dalam Perhutanan / Quantitative Methods in Forestry	4	3	1	Tiada / None	
FHM3202	Sukatatan Hutan / Forest Mensuration	3	2	1	Tiada / None	
FHM3204	Kejuruteraan Hutan / Forest Engineering	3	2	1	Tiada / None	
FHM3206	Sistem Maklumat Geografi Dalam Perhutanan / Geographic Information System in Forestry	3	2	1	Tiada / None	
FHM3207	Survei Hutan / Forest Survey	2	1	1	Tiada / None	
FHM3211	Pemulihan Ekosistem / Ecosystem Restoration	3	2	1	Tiada / None	
FHM3219	Silvikultur Hutan / Forest Silviculture	3	2	1	Tiada / None	
FHM3301	Pengurusan Hutan / Forest Management	3	2	1	Tiada / None	
FHM3303	Pengurusan Hidupan Liar / Wildlife Management	3	2	1	Tiada / None	
FHM3306	Undang-Undang Dalam Perhutanan / Laws in Forestry	3	3	0	Tiada / None	
FHM3315	Pengurusan Kawasan Tadahan Air / Watershed Management	3	2	1	Tiada / None	
FHM3316	Hutan dan Perubahan Iklim / Forests And Climate Change	2	2	0	Tiada / None	
FHS4903	Latihan Industri / Industrial Training	8	0	8	Tiada / None	
FHS4904	Kem Perhutanan / Forestry Camp	2	0	2	Tiada / None	
FHM4959	Disertasi Bacelor / Bachelor Dissertation	6	0	6	Tiada / None	

**Nota / Notes :** (Kr) Kredit / Credit; (K) Kuliah / Lecture; (A) Amali / Laboratory; (T) Tutorial

### 3. KURSUS ELEKTIF / ELECTIVE COURSES ( 33 KREDIT / CREDITS )

Kursus Elektif merupakan kursus pilihan bagi pelajar. Pelajar perlu menyempurnakan semimumum 33 kredit bagi keperluan bergraduasi. Bagi memenuhi keperluan ini, terdapat tiga sub komponen elektif yang perlu diambil oleh pelajar, merangkumi 30 kredit elektif pakej dan 3 kredit elektif bebas. Penerangan lanjut adalah seperti dibawah:

*Elective courses are optional courses for students. Students must complete a minimum of 33 credits for graduation requirements. To meet this requirement, there are three elective sub-components that students must take, including 30 package elective credits and 3 free elective credits. Further details are as below:*

#### a) Elektif Pakej / Elective Package

Elektif pakej merangkumi tiga pakej yang boleh dipilih oleh pelajar sama ada

1. Pakej Pengurusan Hutan,
2. Pakej Ekologi dan Konservasi Hidupan Liar, atau
3. Pakej Perhutanan Bandar

Setiap pelajar perlu memenuhi semimumum 30 kredit daripada pakej yang dipilih SAHAJA.

*Elective packages include three packages that students can choose either*

1. *Forest Management Package,*
2. *Wildlife Ecology and Conservation Package, or*
3. *Urban Forestry Package*

*Each student must complete a minimum of 30 credits from the selected package ONLY.*

b) Elektif bebas berjumlah 3 kredit boleh disempurnakan dengan memilih untuk mengambil kursus elektif yang ditawarkan di dalam program, atau di fakulti, atau di UPM, atau mana-mana kursus yang ditawarkan oleh universiti di dalam dan/atau luar negara.

*Free electives totaling 3 credits can be completed by choosing to take elective courses offered in the program, or at the faculty, or at UPM, or any course offered by universities in and/or abroad.*

KOD KURSUS / COURSE CODE	NAMA KURSUS / COURSE NAME	Kr	K	A/T	PRASYARAT / PREREQUISITE	(√) Jika lulus / if passed
<b>PAKEJ ELEKTIF PENGURUSAN HUTAN / FOREST MANAGEMENT ELECTIVE PACKAGE (Pilih / Choose 30 kredit / credits)</b>						
FHM3114	Pengusahasilan Produk Hutan / <i>Forest Products and Production</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3111	Kebakaran Hutan / <i>Forest Fire</i>	2	1	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3205	Penuaian Hutan / <i>Forest Harvesting</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3208	Pembaikbiak Pokok / <i>Tree Improvement</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3210	Etnobotani / <i>Ethnobotany</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3213	Perhutanan Tani / <i>Agroforestry</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3214	Teknologi Biji Benih / <i>Seed Technology</i>	2	1	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3312	Perhutanan Ladang / <i>Forest Plantation</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3313	Pensijilan Hutan / <i>Forest Certification</i>	2	1	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM3314	Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian / <i>Nursery Management and Maintenance</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM4101	Biodiversiti dan Pemuliharaan / <i>Biodiversity and Conservation</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	
FHM4201	Penderiaan Jauh Dalam Perhutanan / <i>Remote Sensing in Forestry</i>	3	2	1	Tiada / <i>None</i>	

FHM4204	Aplikasi Bioteknologi Dalam Perhutanan / <i>Biotechnology Application in Forestry</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4205	Teknik Hidrologi Hutan / <i>Forest Hydrology Technique</i>	2	1	1	Tiada / None	
FHM4206	Pengukuran Dan Pemantauan Karbon / <i>Carbon Measurement and Monitoring</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4301	Pengurusan Hutan Lanjutan / <i>Advance Forest Management</i>	2	1	1	Tiada / None	
FHM4302	Konflik Manusia dan Hidupan Liar / <i>Human and Wildlife Conflicts</i>	3	3	0	Tiada / None	
FHM3318	Perhutanan Sosial dan Komuniti / <i>Social Forestry and Community</i>	3	2	1	Tiada / None	
CSC3005	Pengenalan kepada Sains Data / <i>Introduction to Data Science</i>	3	2	1	Tiada / None	
<b>PAKEJ ELEKTIF EKOLOGI DAN KONSERVASI HIDUPAN LIAR / WILDLIFE ECOLOGY AND CONSERVATION ELECTIVE PACKAGE (Pilih / Choose 30 kredit / credits)</b>						(✓) Jika lulus / if passed
FHM3114	Pengusahasilan Produk Hutan / <i>Forest Products and Production</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3111	Kebakaran Hutan / <i>Forest Fire</i>	2	1	1	Tiada / None	
FHM3318	Perhutanan Sosial dan Komuniti / <i>Social Forestry and Community</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3212	Kaedah Pensampelan Hidupan Liar / <i>Wildlife Sampling Methods</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3213	Perhutanan Tani / <i>Agroforestry</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4101	Biodiversiti dan Pemuliharaan / <i>Biodiversity and Conservation</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4102	Ekologi Komuniti Hidupan Liar / <i>Wildlife Community Ecology</i>	3	3	0	Tiada / None	
FHM4103	Ekologi Perilaku Hidupan Liar / <i>Wildlife Behavioural Ecology</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4201	Penderiaan Jauh dalam Perhutanan / <i>Remote Sensing in Forestry</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4202	Penilaian Ekonomi Sumber Hutan Dan Biodiversiti / <i>Economic Valuation of Forest Resource and Biodiversity</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4206	Pengukuran Dan Pemantauan Karbon / <i>Carbon Measurement and Monitoring</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4302	Konflik Manusia dan Hidupan Liar / <i>Human and Wildlife Conflicts</i>	3	3	0	Tiada / None	
FHR4608	Pengurusan Kawasan Perlindungan / <i>Protected Areas Management</i>	3	2	1	Tiada / None	
CSC3005	Pengenalan kepada Sains Data / <i>Introduction to Data Science</i>	3	2	1	Tiada / None	
<b>PAKEJ ELEKTIF PERHUTANAN BANDAR / URBAN FORESTRY ELECTIVE PACKAGE (Pilih / Choose 30 kredit / credits)</b>						(✓) Jika lulus / if passed
FHM3208	Pembaikbiak Pokok / <i>Tree Improvement</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3209	Arborikultur / <i>Arboriculture</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3215	Infrastruktur Hijau Dalam Perhutanan Bandar / <i>Green Infrastructure in Urban Forestry</i>	2	1	1	Tiada / None	
FHM3216	Ekonomi Persekitaran Dan Hutan Bandar / <i>Environmental Economics and Urban Forestry</i>	2	2	0	Tiada / None	
FHM3302	Pengurusan Hutan Bandar / <i>Urban Forest Management</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3311	Pengurusan Kesihatan Pokok Hutan Bandar / <i>Urban Tree Health Management</i>	2	1	1	Tiada / None	



FHM3314	Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian / <i>Nursery Management and Maintenance</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3317	Pengurusan Bersepadu Perosak Pokok / <i>Integrated Pest Management Of Forest Trees</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4101	Biodiversiti dan Pemuliharaan / <i>Biodiversity and Conservation</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4201	Penderiaan Jauh dalam Perhutanan / <i>Remote Sensing in Forestry</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4206	Pengukuran Dan Pemantauan Karbon / <i>Carbon Measurement and Monitoring</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4207	Ekologi Perbandaran / <i>Urban Ecology</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM4302	Konflik Manusia Dan Hidupan Liar / <i>Human and Wildlife Conflicts</i>	3	3	0	Tiada / None	
FHM4303	Pengurusan Risiko Dalam Hutan Bandar / <i>Risk Management in Urban Forestry</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHM3318	Perhutanan Sosial dan Komunitir / <i>Forestry and Community</i>	3	2	1	Tiada / None	
FHR3510	Operasi dan Senggaraan Kemudahan Rekreasi / <i>Operation and Maintenance of Recreational Facilities</i>	3	2	1	Tiada / None	
EMG3104	Prinsip Pengurusan Sisa Pepejal / <i>Principles of Solid Waste Management</i>	3	3	0	Tiada / None	
LAN4304	Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap / <i>Landscape Management and Maintenance</i>	3	2	1	Tiada / None	
CSC3005	Pengenalan kepada Sains Data / <i>Introduction to Data Science</i>	3	2	1	Tiada / None	
<b>ELEKTIF BEBAS / FREE ELECTIVE</b>						
<p>(Pelajar perlu melengkapkan sekurang-kurangnya 3 kredit dengan mengambil kursus elektif yang ditawarkan di dalam program, atau di fakulti, atau di UPM, atau mana-mana kursus yang ditawarkan oleh universiti di dalam dan/atau luar negara  <i>Students need to complete at least 3 credits by taking elective courses offered in the program, or at the faculty, or at UPM, or any course offered by universities in the country and/or abroad</i>)</p>						<b>(√) Jika lulus / if passed</b>
Elektif Bebas / Free Elective		3				

**Nota / Notes :** **(Kr)** Kredit / *Credit*; **(K)** Kuliah / *Lecture*; **(A)** Amali / *Laboratory*; **(T)** Tutorial

#### 4. KURSUS PAKEJ ELEX / ELEX PACKAGE COURSES

Kategori / Category	CEFR*	Kelayakan Bahasa Inggeris / English Language Qualification		Keperluan ELEX sepanjang Tempoh Pengajian / ELEX requirements throughout the Study Period							
				Tahun 1 / Year 1		Tahun 2 / Year 2		Tahun 3 / Year 3		Tahun 4 / Year 4	
		Jenis / Type	Skor / Score	S1	S2	S1	S2	S1	S2	S1	S2
<b>A</b>	<b>A1 – A2</b>	MUET	1.0 – 2.5	Pelajar perlu melengkapkan <b>3 kursus LPE, 3 kursus CEL dan 24 mata LAX</b> <i>Students must complete 3 LPE courses, 3 CEL courses and 24 LAX points</i>							
		IELTS	2.5 – 3.5								
		TOEFL IBT	n.a								
		CIEP	101 – 103								
		PTE**	24 – 42								
		CE***	100 – 139								
<b>B</b>	<b>B1 – B2</b>	MUET	3.0 – 4.5	Pelajar perlu melengkapkan <b>2 kursus LPE, 2 kursus CEL dan 24 mata LAX</b> <i>Students must complete 2 LPE courses, 2 CEL courses and 24 LAX points</i>							
		IELTS	4.0 – 6.5								
		TOEFL IBT	42 – 94								
		CIEP	104 – 109								
		PTE**	43 – 75								
		CE***	140 – 179								
<b>C</b>	<b>C1 – C2</b>	MUET	5.0 – 5+	Pelajar boleh <b>memilih</b> untuk melengkapkan <b>salah satu</b> pakej ELEX 2 kursus LPE + 1 kursus CEL + 24 mata LAX <b>ATAU</b> 1 kursus LPE + 1 kursus CEL + 24 mata LAX + 1 kursus Bahasa Global <i>Students can <b>choose</b> to complete <b>one</b> of ELEX's package</i> 2 LPE courses + 1 CEL course + 24 points LAX <b>OR</b> 1 LPE course + 1 CEL course + 24 points LAX + 1 Global Language course							
		IELTS	7.0 – 9.0								
		TOEFL IBT	95 – 120								
		CIEP	n.a								
		PTE**	76 – 90								
		CE***	180 – 230								

LATIHAN INDUSTRI / INDUSTRIAL TRAINING

Kursus ini merangkumi prinsip dan matlamat berlandaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang mencorak asas pengenalan dan perbincangan mengenai isu alam sekitar di peringkat nasional dan antarabangsa. Aspek etika alam sekitar dalam membincangkan isu alam sekitar dan dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan mampan turut ditekankan.

*This course covers the principles and goals based on the Sustainable Development Goals (SDGs) that form the basis of introducing and discussing on environmental issues at the national and international levels. Environmental ethics in discussing environmental issues and in making sustainable development decisions are also discussed.*

**ESC3017 Ekologi Biosfera / Biosphere Ecology 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada komponen biosfera dan interaksi biotik-abiotik dalam alam sekitar. Kesan impak aktiviti manusia terhadap komponen biosfera dan peranan setiap komponen dalam mendepani perubahan alam sekitar dibincangkan. Hierarki kerumitan dalam ekologi biosfera dari peringkat spesies, populasi, komuniti, ekosistem sehingga pengurusannya di peringkat biosfera turut ditekankan.

*This course covers the introduction to global ecological system and biotic-abiotic interactions in the environment. The impact of human activity on the biosphere component dan each component's role in facing environmental change is discussed. The hierarchy of complexity in biosphere ecology from species, population, community, ecosystem to management at the biosphere level is emphasized.*

**ESC3018 Pengurusan Sisa / Waste Management 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada isu pengurusan sisa termasuk sisa pepejal, sisa berbahaya, sisa klinikal, air sisa dan sisa pertanian. Penilaian sistem pengurusan mengikut jenis sisa juga dibincangkan. Klasifikasi, penyimpanan, pengutipan, pelupusan dan potensi kitar semula juga disentuh dengan mengambilkira polisi dan perundangan berkaitan. Impak sisa dan peranan penjana juga turut ditekankan.

*This course covers the introduction to waste management issues including solid waste, hazardous waste, clinical waste, waste water and agricultural waste. Evaluation on the waste management system according to their types are also discussed. Classification, storage, collection, disposal recycling potential will also be touched taking into consideration the policies and legislation involved. The impact of waste and the role of waste generators are also emphasized.*

**ESC3019 Hidrosfera dan Litosfera / Hydrosphere and Lithosphere 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada struktur dalaman bumi dan kitaran semulajadi air. Interaksi di antara hidrosfera dan litosfera dibincangkan menerusi identifikasi batuan, mineral, dan daya yang memacu perubahan pembentukan tanah dan kitaran air. Kepentingan hidrosfera dan litosfera di dalam konteks pengurusan alam sekitar turut ditekankan.

*This course covers the introduction to Earth's internal structure and natural water cycle. The interactions between hydrosphere and lithosphere are discussed through identification of rocks, minerals, and forces that drive the landform changes. The importance of hydrosphere and lithosphere within the environmental management context is emphasized.*

**ESC3020 Teknik Lapangan Alam Sekitar / Environmental Fieldwork Techniques 2 (0+2)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas dan kaedah pengukuran parameter alam sekitar merangkumi aspek air, tanah, biota, kesihatan, sisa dan kajian sosial. Teknik pengukuran, persampelan, analisis dan interpretasi data turut ditekankan.

*This course introduces the basic principles and methods of measuring environmental parameters which include aspects of water, soil, biota, health and waste. The techniques of measurement, sampling, analysis and interpretation of data are also emphasized.*

**ESC3021 Sains Atmosfera dan Perubahan Iklim / Atmospheric Science and Climate Change 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada konsep asas berkenaan komposisi dan struktur atmosfera serta proses fizikal dan proses dinamik yang menyebabkan perubahan cuaca dan iklim. Ramalan cuaca, senario perubahan iklim semasa dan impak perubahan iklim kepada aktiviti manusia turut dibincangkan.

*This course covers introduction to the fundamental concepts of atmospheric compositions and structures as well as physical and dynamical processes leading to weather and climate change. Weather forecasts, current climate change scenarios as well as the impact of climate change towards human activities are also discussed.*

**ESC3101 Prinsip Kesihatan Alam Sekitar / Principles of Environmental Health 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada hubungan kompleks di antara kesihatan umum dan persekitaran. Isu dan masalah persekitaran yang memberi kesan ke atas kesihatan manusia berdasarkan kaedah toksikologi serta penilaian risiko juga dibincangkan. Penilaian prinsip kesihatan persekitaran dan kesihatan di tempat kerja turut ditekankan.

*This course covers the introduction to the complex relationship between public health and the environment. Issues and environmental problems affecting human health based on toxicology and risk assessment methods are also discussed. Evaluation of environmental health principles and workplace health are also emphasized.*

**ESC3203 Hidrologi Alam Sekitar / Environmental Hydrology 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi kaedah hidrologi dalam perancangan dan pengurusan alam sekitar. Kaedah organisasi data hidrologi bagi pengurusan lembangan secara mampan serta kesan aktiviti manusia terhadap persekitaran hidrologi turut dibincangkan.

*This course covers the hydrological methods in environmental planning and management. Organization of hydrological data for sustainable watershed management and human impacts on environmental hydrology are also discussed.*

**ESC3204 Rawatan Air Sisa / Wastewater Treatment 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi proses rawatan air sisa berasaskan kepada keperluan perundangan tempatan, sumber dan ciri air sisa dan peranan loji rawatan. Parameter asas dalam menguji keberkesanan operasi loji, pengawasan proses serta isu kesihatan dan keselamatan loji ditekankan. Proses rawatan air sisa terbaik mengikut ciri air sisa turut dibincangkan.

*This course covers wastewater treatment processes based on local legal requirements, sources and characteristics of wastewater and the role of treatment plants. The basic parameters of testing the effectiveness of plant operations, process monitoring as well as plant health and safety issues are emphasized. The process best wastewater treatment based on the characteristics of wastewater is also discussed.*

**ESC3205 Rawatan Air Minum / Drinking Water Treatment****3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi isu berkaitan kepentingan sumber bekalan air, kesan pencemaran air dan kaedah rawatan air minum. Parameter penting penentuan kualiti air dan kaedah nyahjangkitan air termasuk kesan kualiti air terhadap kesihatan manusia dibincangkan. Penilaian dalam keberkesanan alat rawatan air yang sesuai turut ditekankan.

*This course covers issues related to the importance of water supply, the effects of water pollution and drinking water treatment methods. Important parameters for determining water quality and methods of water disinfection including the effects of water quality on human health are discussed. Evaluation of the effectiveness of appropriate water treatment tools is also emphasized.*

**ESC3401 Geologi Alam Sekitar / Environmental Geology****3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas geologi alam sekitar, proses dalaman dan permukaan bumi. Sumber mineral dan tenaga, pelupusan sisa, jenis pencemaran serta pengukuran parameter geologi ditekankan. Isu terkini geologi alam sekitar dan langkah pencegahannya turut dibincangkan.

*This course covers the basic environmental geology principles, earth internal and surface processes. Mineral and energy resources, waste disposal, types of pollution, as well as geological parameters are discussed. The current issues in environmental geology and mitigation measures are also discussed.*

**ESC3507 Envirometriks / Environmetrics****3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi kaedah analisis dan interpretasi data alam sekitar menggunakan kaedah envirometriks yang bersesuaian dalam langkah tebatan sumber pencemaran. Pendedahan kepada adaptasi kaedah envirometriks dalam membantu proses pembuatan keputusan menggunakan model ramalan masa sebenar dibincangkan. Pentaksiran data alam sekitar menggunakan kaedah analisis multivariat dan pemodelan untuk menilai kualiti alam sekitar juga dibincangkan.

*This course covers methods in analysis and interpretation of environmental data using environmetrics techniques in mitigating pollution sources. Exposures to the adaptation of environmetrics methods to assist decision-making using real-time forecasting models are discussed. The assessment of environmental data using multivariate analysis and modeling methods to evaluate environmental quality is also discussed.*

**ESC3508 Matematik Gunaan Untuk Alam Sekitar / Applied Mathematics for the Environment****3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas matematik yang digunakan dalam menganalisis masalah berkaitan alam sekitar. Aplikasi persamaan dan rumus matematik dalam penyelesaian terhadap masalah alam sekitar juga dibincangkan.

*This course covers the basic principles of mathematics used in analyzing environmental problems. The applications of mathematical equations and formulas in solving environmental problems are also discussed.*

**ESC3509 Pengenalan Kepada Envirometriks / Introduction to Environmetrics****3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi topik asas statistik untuk menganalisa data alam sekitar. Kaedah memanipulasi data statistik alam sekitar turut diperkenalkan. Aplikasi envirometriks dalam penyelesaian masalah alam sekitar juga dibincangkan.

*This course covers basic topics of statistics to analyze environmental data. Methods of manipulating environmental statistics data are also introduced. The applications of environmetrics in environmental problem solving are also discussed.*

**ESC3510 Sistem Maklumat Geografi dan Penderiaan Jarak Jauh Alam Sekitar / Environmental Geographic Information System and Remote Sensing** **3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pemahaman asas dalam konsep Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan penderiaan jarak jauh alam sekitar. Asas geoinformatik dan struktur asas data geospasial turut ditekankan. Prinsip penderiaan jarak jauh dan kaedah asas pemprosesan digital penderiaan jarak jauh seperti pembetulan imej serta pengklasifikasi spektral untuk klasifikasi tematik juga dibincangkan.

*This course offers insights into the basic concepts of environmental geographic information system and remote sensing. The basic of geoinformatics concept and structure of geospatial data is also discussed. Remote sensing principles and basic method of digital image processing such as image correction and spectral classification for thematic classification are discussed.*

**ESC3511 Pengurusan dan Sistem Pelaporan Projek Alam Sekitar / Environmental Project Management and Reporting System** **3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi perancangan dalam pengurusan projek alam sekitar secara sistematik iaitu pada tahap pra-projek, semasa dan selepas projek selesai. Kemahiran dalam menyediakan sistem pelaporan projek alam sekitar yang holistik serta mengikut garis panduan dan piawai berkaitan juga ditekankan.

*This course covers systematic planning in environmental project management, from pre-, during and post-project stages. The skills in holistic and effective environmental project reporting system according to the guideline and related standards are also emphasized.*

**ESC4002 Hidrokimia Dan Geokimia Alam Sekitar / Environmental Hydrochemistry and Geochemistry** **3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada asas hidrokimia dan geokimia air dan tanah. Interaksi tanah dan air dalam sistem hidrosfera dan geosfera, serta penentu ukuran, penilaian tindakbalas, dan interaksi hidrogeokimia persekitaran turut dibincangkan.

*This course covers the basic scientific principles to the hydrochemistry and geochemistry of water and soil. Interaction between soil and water in the hydrosphere and geosphere systems, as well as measurement, response evaluation, and interaction in environmental hydro-geochemistry are also discussed.*

**ESC4101 Penilaian Risiko Kesihatan Alam Sekitar / Environmental Health Risk Assessment** **3 (3+0)**

Prasyarat: ESC3101 atau setara

Kursus ini merangkumi huraian dalam proses penilaian risiko kesihatan alam sekitar. Peluang Penilaian Impak Kesihatan Alam Sekitar (EHIA) dalam perundingan EIA turut dibincangkan. Pengukuran potensi kesan dan impak buruk ke atas kesihatan individu dan populasi disebabkan pencemaran berkaitan pekerjaan dan alam sekitar turut ditekankan.

*This course covers descriptions of the environmental health risk assessment process. Opportunities for Environmental Health Impact Assessment (EHIA) in the EIA consultation are also discussed. Measurement of potential impacts and adverse impacts on the health of individuals and populations due to occupational and environmental pollution is also emphasized.*

**ESC4102 Penilaian Pendedahan Pencemaran / Pollution Exposure Assessment 3 (2+1)**

Prasyarat: ESC3101 atau setara

Kursus ini merangkumi laluan agen toksik berdasarkan anatomi dan fisiologi manusia. Pengiraan bagi pendedahan pencemaran mengikut kategori, toksikologi industri, prinsip penilaian persekitaran tempat kerja, kaedah persampelan, pendedahan kebisingan dan kawalan, penggunaan garis panduan dan piawaian dibincangkan. Penilaian bagi mengawal potensi hazard di tempat kerja dan potensi ancaman kepada manusia dan persekitaran turut dibincangkan.

*This course covers the route of toxic agents based on human anatomy and physiology. Calculations for exposure to pollutants by category, industry toxicology, principles of workplace environment assessment, sampling methods, noise exposure and control, use of guidelines and standards are discussed. Assessments for controlling potential hazards in the workplace and potential threats to humans and the environment are also discussed.*

**ESC4103 Mikrobiologi Alam Sekitar / Environmental Microbiology 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas, kaedah dan teknologi yang digunakan di dalam bidang mikrobiologi alam sekitar. Teknik dan teknologi dalam mikrobiologi bagi penyelesaian permasalahan alam sekitar alternatif juga turut dibincangkan secara saintifik.

*This course covers the basic principles, methods and technologies used in environmental microbiology. Techniques and technologies in microbiology as alternatives to solve environmental problems are also discussed scientifically.*

**ESC4201 Pengurusan Kualiti Air Sungai / River Water Quality Management 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini meliputi sumber pencemaran air, perancangan dan pengurusan kualiti air sungai, penentuan indeks kualiti air dan pengelasan sungai untuk pengurusan sumber air. Pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) turut ditekankan. Masalah dan penyelesaian kawasan lembangan air setempat dan serantau berkaitan dengan pengurusan kualiti air sungai adalah dibincangkan.

*This course covers water pollution sources, river water quality planning and management, water quality indexing and river management for water resource management. Integrated River Basin Management (IRBM) and Integrated Water Resources Management (IWRM) are also emphasized. Problems and solutions of local and regional water basins related to river water quality management are discussed.*

**ESC4202 Hidrogeologi / Hydrogeology 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi cara menganalisis data lapangan berkaitan hidrogeologi dan kaedah hidrogeologi untuk mengenalpasti sumber air tanah. Aplikasi pemodelan air tanah dalam penyelesaian masalah pengurusan air tanah juga turut ditekankan.

*This course covers how to analyze field data related to hydrogeology and hydrogeological methods to identify groundwater wells. The application of soil water modeling in solving groundwater management problems is also emphasized.*

**ESC4204 Analisis Lembangan / Watershed Analysis 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini meliputi penghuraian data berkaitan lembangan melalui simulasi model lembangan. Pelan tindakan dan pembetulan untuk pengurusan lembangan turut diulas. Masalah dalam pembangunan dan pengurusan lembangan turut dibincangkan.

*This course covers the description of basin-related data through simulation of basin model. Plans for action and corrections for basin management are also reviewed. Problems in the development and management of the basin are also discussed.*





**ESC4404 Teknologi Rawatan Sisa Berbahaya / Hazardous Waste Treatment Technology 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi ciri fizikal, kimia dan ketoksikan sisa berbahaya yang membentuk asas untuk pengelasan hazad dan penentuan pergerakan, taburan dan juga impak ke atas kesihatan manusia dan alam sekitar. Teknologi rawatan dan pelupusan sisa berbahaya termasuk kaedah pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan sisa berbahaya mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dan peraturan antarabangsa dibincangkan. Pelaksanaan penyaringan dan kitar semula dalam kehidupan harian turut ditekankan.

*This course covers the physical, chemical and toxic properties of hazardous wastes that form the basis for hazard classification and determination of their movement, distribution as well as their impacts on human health and the environment. Treatment and disposal technologies including handling, storage and transportation based on the Environmental Quality Act 1974 and international regulations are discussed. The implementation of filtering and recycling in daily life is also emphasized.*

**ESC4405 Pengurusan Kawalan Hakisan Tanah, Sedimen dan Air Larian Permukaan / Soil Erosion, Sediment and Stormwater Management Control 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi perancangan dan pengurusan risiko hakisan tanah dan pengurusan sedimen dalam air larian permukaan bagi mengawal impaknya kepada alam sekitar. Sistem organisasi maklumat dalam perancangan kawalan hakisan tanah juga dibincangkan. Kaedah kawalan dan amalan mitigasi terbaik dalam projek pembangunan dan perubahan guna tanah yang berisiko dalam kawasan tropika turut ditekankan.

*This course covers planning and management of soil erosion risk and management of sediment-laden runoff to control its impact on the environment. The organisation system of information on erosion control planning is discussed. Best mitigation controls and practices in risky land development and landuse change projects in the tropics are also emphasized.*

**ESC4406 Geofizik Alam Sekitar / Environmental Geophysics 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi kajian struktur dalaman bumi serta kandungannya melalui kaedah geofizik. Hubungkait antara pencemaran akibat aktiviti manusia dan semulajadi serta langkah kawalan turut dibincangkan.

*This course covers the study of the internal structure of the earth and its contents through geophysical methods. The relationship between pollution caused by human and natural activities and control measures is also discussed.*

**ESC4502 Respons Kecemasan Alam Sekitar / Environmental Emergency Response 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi aliran dan impak bahan pencemar, serta langkah-langkah keselamatan ketika kemalangan. Respons bagi pelbagai senario kecemasan alam sekitar dibincangkan.

*This course covers the flow and impact of pollutants, as well as safety measures in the event of an accident. Respons for various environmental emergency scenarios are discussed.*

**ESC4503 Biologi Pencemaran / Pollution Biology 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi konsep biologi pencemaran dan ekotoksikologi. Teknik dan kaedah penilaian untuk proses pemantauan dan kawalan pencemaran, serta kaedah membeza punca dan menilai kesan pencemaran air, udara dan tanah dibincangkan.

*This course covers the concepts of pollution biology and ecotoxicology. The techniques and methods of assessment for the process of monitoring and control of pollution, as well as methods of determining the causes and assessing the effects of water, air and soil pollution are discussed.*

**ESC4504 Pemodelan Sistem Alam Sekitar / Environmental System Modeling 3 (2+1)**

Prasyarat: ESC3508 atau setara

Kursus ini merangkumi sistem analisis untuk kajian fenomena alam sekitar yang berubah mengikut masa. Pembentukan dan ujian model sistem untuk penganalisan dan pengurusan sistem alam sekitar ditekankan. Hasil model bagi penilaian bagi membantu proses pembuatan keputusan berkaitan pengurusan alam sekitar turut dibincangkan.

*This course covers analysis systems to study the environmental phenomena that change over time. Development and testing system models for environmental system analysis and management are emphasized. The results of the model for evaluation to aid decision making in environmental management are also discussed.*

**ESC4505 Ekologi Industri / Industrial Ecology 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi konsep ekologi industri serta isu pembangunan mampan menggunakan kerangka ekologi industri. Pendekatan ekologi industri dan ekonomi kitaran dalam pengurusan sumber bagi mengurangkan impak alam sekitar dibincangkan.

*This course covers the concepts of industrial ecology as well as issues in sustainable development using industrial ecological frameworks. The industrial ecological approach and circular economy in resource management to reduce environmental impact are discussed.*

**ESC4506 Teknologi Pintar untuk Alam Sekitar / Intelligent Technology for Environment 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah pembinaan sistem kepintaran buatan dan peranan dalam pengurusan alam sekitar. Faedah dan kekangan kepintaran buatan berbanding sistem konvensional dalam menangani masalah alam sekitar. Hubungkait kaedah kepintaran buatan melalui pembangunan prototaip turut didedahkan kepada pelajar.

*This course covers concepts and methods in the development of an artificial intelligence system and its role in environmental management. Benefits and limitations of artificial intelligence versus conventional methods in solving environmental problems are emphasized. The linkages of artificial intelligence through prototype development are also exposed to the student.*

**ESC4507 Forensik Alam Sekitar / Environmental Forensics 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi penilaian pengangkutan, persinggahan dan kitar hayat bahan pencemar dalam persekitaran. Pengukuran bahan pencemar dalam penyiasatan alam sekitar turut dibincangkan. Aplikasi forensik alam sekitar dalam penyelesaian masalah berkaitan pencemaran alam sekitar turut ditekankan.

*This course covers the assessment of transport, transit and life cycle of pollutants in the environment. Measurements of pollutants in environmental investigations are also discussed. The applications of environmental forensics in solving environmental pollution problems are also emphasized.*

**ESC4508 Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti / Biodiversity Conservation and Management 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini meliputi kepentingan biodiversiti dan pemuliharaan terhadap kestabilan ekosistem semulajadi. Pengenalpastian konflik dan ancaman, serta strategi pemuliharaan dan pembaikpulih biodiversiti turut dibincangkan.

*This course covers the importance of biodiversity and conservation to the stability of the natural ecosystem. Identification of conflicts and threats, as well as conservation and rehabilitation strategies for biodiversity are also discussed.*

**ESC4509 Ekologi Sumber Asli / Ecology of Natural Resources 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi konsep ekologi berkaitan dengan sumber asli. Kepentingan jenis sumber asli kepada manusia dan alam sekitar serta kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan sumber asli untuk pengurusan mampan dibincangkan.

*This course covers ecological concepts related to natural resources. The importance of natural resources to humans and the environment as well as the preservation and conservation of natural resources for sustainable management are discussed.*

**ESC4512 Kimia Alam Sekitar Lanjutan / Advance Environmental Chemistry 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi proses penilaian tahap pencemaran disebabkan dari kesan penggunaan bahan kimia. Analisis bahan tercemar berdasarkan instrument penentukur serta proses membuat kesimpulan dari kajian bahan tercemar ditekankan.

*This course covers the process of assessing pollution levels as a result of the use of chemicals. The analysis of contaminated materials based on the calibration instrument as well as the process of drawing conclusions from the study of contaminated materials are emphasized.*

**ESC4513 Bioremediasi Alam Sekitar / Environmental Bioremediation 3 (2+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini meliputi pelbagai aspek remediasi tanah menggunakan konsortia mikrob berpotensi untuk penguraian sebatian toksik. Proses bioremediasi, tindakbalas biokimia dan lintasan metabolik ditekankan. Kaedah rawatan in situ dan rawatan reaktor serta aplikasi penggunaan mikrob untuk remediasi tanah dibincangkan.

*This course covers various aspects of soil remediation using potential microbial consortia for the decomposition of toxic compounds. The processes of bioremediation, biochemical reactions and metabolic pathways are emphasized. In situ treatment methods and reactor treatment as well as application of microbial applications for soil remediation are discussed.*

**ESC4515 Sistem Kesihatan dan Keselamatan Industri / Industrial Health and Safety System 3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membincangkan konsep dan pendekatan dalam pengurusan sistem kesihatan dan keselamatan industri. Penekanan kepada perancangan, pemantauan dan tindakan untuk menangani hazard, risiko, kemalangan dan kecemasan industri dalam pelaporan maklumat turut dibincangkan. Peranan dasar, undang-undang, piawaian, Teknologi Sedia ada Terbaik (BAT) dan Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) dalam pengurusan kecemasan industri dan bencana alam sekitar juga ditekankan.

*This course discusses the concepts and approaches in industrial, health and safety management systems. Emphasis on planning, monitoring and actions to manage industrial hazards, risks, accidents and emergencies is discussed. The role of policies, laws, standards, Best Available Technology (BAT), and Best Management Practices (BMP) in industrial emergency and environmental disaster management are also emphasized.*

**ESC4517 Sistem Maklumat Geografi dan Penderiaan Jarak Jauh Alam Sekitar Lanjutan / Advanced Environmental Geographic Information System and Remote Sensing 3 (2+1)**

Prasyarat: ESC3510 atau setara

Kursus ini merangkumi prinsip dan kaedah lanjutan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan penderiaan jarak jauh (RS) alam sekitar. Kaedah manipulasi GIS dan RS lanjutan dalam pengurusan alam sekitar dibincangkan. Aplikasi GIS dan RS dalam penyelesaian permasalahan alam sekitar turut ditekankan.

*This course covers the principles and advanced techniques in environmental Geography Information System (GIS) and Remote Sensing (RS). Manipulation on advanced GIS and RS in environmental management is discussed. Application of GIS and Remote Sensing in the solving the environmental problems are discussed.*

**ESC4518 Inovasi Alam Sekitar dan Teknologi Hijau / *Environmental Innovation and Green Technology*** **3 (1+2)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi projek penghasilan inovasi atau produk mesra alam berasaskan teknologi hijau melalui pendekatan kajian kes dan analisis perbandingan silang. Proses penilaian evolusi teknologi hijau, pembangunan dan pameran inovasi atau produk yang bersifat mesra alam sekitar/kos efektif turut dibincangkan.

*This course covers the production of innovation projects or environmentally friendly products based on green technology through case study approach and cross-comparative analysis. The process of assessing the evolution of green technologies, development and innovation exhibition or environmental friendly/cost-effective products is also discussed.*

**ESC4603 Sistem Tenaga dan Alam Sekitar / *Energy Systems and Environment*** **3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi kepelbagaian sumber tenaga, penjanaan tenaga, dan impak penjanaan dan penggunaan tenaga terhadap alam sekitar dan sosio-ekonomi. Teknologi penjanaan tenaga bersih dan hijau, polisi kerajaan dan isu-isu semasa berkaitan tenaga dibincangkan. Kesedaran dalam isu berkaitan pengurusan tenaga dan sumber alam sekitar turut ditekankan.

*This course covers the diversity of energy sources, energy generation, and the impact of energy generation and use on the environment and socio-economy. Clean and green energy generation technologies, government policies and current issues related to energy are discussed. Awareness on issues related to energy management and environmental resources is also emphasized.*

**ESC4701 Interaksi Tumbuhan dan Alam Sekitar / *Plant and Environment Interactions*** **3 (3+0)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip interaksi antara tumbuhan dan organisma hidup dengan alam sekitarnya. Kepentingan tumbuhan terhadap alam sekitar, perubahan iklim dan pengaruh tumbuhan terhadap organisma lain serta peranannya dalam keseimbangan alam sekitar turut dibincangkan.

*This course covers the interaction principle between plant and living organisms with the environment. The importance of plant towards environment, climate change and the influence of plants on other organisms and its role in environmental balance are also discussed.*

**ESC4801 Kajian Lapangan Alam Sekitar Bersepadu / *Integrated Environmental Field Study*** **2 (0+2)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi proses pengumpulan dan pengukuran data serta perbincangan hasil dapatan kajian lapangan yang dijalankan bersama masyarakat. Kaedah mengorganisasi dan pelaporan hasil kajian lapangan ditekankan bagi penyelesaian masalah alam sekitar.

*This course covers the process of collecting and measuring data as well as discussing the outcome of field research conducted with the community. Methods of organizing and reporting field research output are emphasized for solving environmental problems.*

**ESC4802 Dokumentari Alam Sekitar / *Environmental Documentaries*** **3 (1+2)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada asas penggunaan media dalam pengulasan isu-isu semasa alam sekitar. Kaedah penghasilan dokumentari alam sekitar dan hubungkait dengan persekitaran, undang-undang dan budaya dibincangkan. Pembentangan dan kritikan terhadap isu-isu alam sekitar secara bertanggungjawab turut ditekankan.

*This course covers the basics of media use in reviewing current environmental issues. Methods of producing environmental documentaries and their relationship to environment, law and culture are discussed. The presentation and critique of environmental issues responsibly also emphasized.*

**ESC4803 Komunikasi Saintifik dalam Alam Sekitar / Scientific Communication in Environment**

**1 (0+1)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membincangkan peranan pihak berkepentingan dalam penyelesaian isu alam sekitar. Perdebatan isu alam sekitar dan proses pembuatan keputusan berkaitan isu alam sekitar di peringkat komuniti, nasional dan antarabangsa melalui aktiviti permainan peranan pihak berkuasa, pemegang taruh, pihak berkepentingan dan orang awam turut ditekankan.

*This course discusses the role of stakeholders in solving environmental issues. Debates on environmental issues and decision-making processes at the local, national, and international levels through role playing activities of authorities, stakeholders and the public are also emphasized.*

**ESC4901 Latihan Industri / Industrial Training**

**12 (0+12)**

Prasyarat: Lulus Kesemua Kursus dan Pakej ELEX / Pass All Courses and ELEX Package

Kursus ini meliputi latihan industri selama 24 minggu bagi pendedahan kepada persekitaran dunia pekerjaan sebenar. Pelajar didedahkan dengan cara mengorganisasi data semasa pelaporan projek khas latihan industri. Penghayatan nilai dan etika profesionalisme turut ditekankan.

*The course covers 24 weeks of industry training for exposure to the real working world. Students are exposed by organizing data during the reporting of special industrial training projects. The value and ethics of professionalism are also emphasized.*

**ESC4959 Disertasi Bacelor / Bachelor Dissertation**

**6 (0+6)**

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi penstrukturan cadangan dalam projek ilmiah dan penyelidikan. Projek dibangunkan secara individu bagi mengasah kebolehan pelajar dalam membuat kajian. Penyampaian hasil kajian termasuk penyediaan laporan ilmiah turut dijalankan.

*This course covers structuring suggestions in scientific and research projects. Projects are individually developed to hone students' ability to do research. The presentation of research findings including the preparation of scientific reports was also carried out.*

## **KURSUS TAWARAN FAKULTI LAIN / COURSES OFFERED BY OTHER FACULTIES**

( Sila rujuk sinopsis daripada Buku Panduan fakulti berkenaan /  
*Please refer to the synopsis from the relevant Faculty Handbook* )

### **A. FAKULTI PERTANIAN / FACULTY OF AGRICULTURE**

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | PRT2009 Pertanian dan Kehidupan / <i>Agriculture and Life</i> | 2 (1+1) |
|----|---|---------|

### **B. FAKULTI EKOLOGI MANUSIA / FACULTY OF HUMAN ECOLOGY**

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | FEM2313 Integriti dan Rasuah / <i>Integrity and Anti-Corruption</i>   | 1 (1+0) |
| 2. | FEM2401 Politik Malaysia Dan Masyarakat / <i>Malaysian Politics And Society</i>                                     | 2 (2+0) |
| 3. | SKP2101 Kenegaraan Malaysia / <i>Malaysian Nationhood</i>   | 3 (3+0) |
| 4. | SKP3112 Falsafah dan Isu Semasa / <i>Philosophy and Current Issues</i>  | 2 (2+0) |
| 5. | SKP3113 Falsafah dan Isu Semasa Masyarakat Sivil / <i>Philosophy and Current Issues in Civil Society</i>            | 3 (3+0) |
| 6. | SKP3122 Penghayatan Etika dan Peradaban / <i>Internalization of Ethics and Civilization</i>                         | 2 (2+0) |
| 7. | SKP3123 Penghayatan Etika dan Peradaban di Malaysia / <i>Internalization of Ethics and Civilization in Malaysia</i> | 3 (3+0) |

### **C. FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI / FACULTY OF MODERN LANGUAGE AND COMMUNICATION**

- |    |  |         |
|----|--|---------|
| 1. | KOH3433 Kemahiran Komunikasi Interpersonal / <i>Interpersonal Communication Skills</i> | 3 (3+0) |
|----|--|---------|

### **D. FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN / FACULTY OF EDUCATIONAL STUDIES**

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | FCE3204 Kemahiran Berfikir / <i>Thinking Skills</i> | 2 (2+0) |
|----|---|---------|

### **E. FAKULTI REKA BENTUK DAN SENIBINA / FACULTY OF DESIGN AND ARCHITECTURE**

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | IND3000 Asas Reka Bentuk / <i>Design Fundamentals</i>                                   | 4 (1+3) |
| 2. | IND3200 Reka Bentuk dan Teknologi Asas / <i>Design and Basic Technology</i>             | 3 (1+2) |
| 3. | IND3201 Makmal Reka Bentuk dan Realisasi I / <i>Design and Realization Laboratory I</i> | 3 (1+2) |
| 4. | IND3400 Reka Bentuk Berbantu Komputer 2D / <i>2D Computer Aided Design</i>              | 3 (1+2) |
| 5. | IND3401 Reka Bentuk Berbantu Komputer 3D / <i>3D Computer Aided Design</i>              | 3 (1+2) |

### **F. FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGY MAKLUMAT / FACULTY OF COMPUTER SCIENCE AND INFORMATION TECHNOLOGY**

- |    |  |         |
|----|--|---------|
| 1. | CCS3100 Penyelesaian Masalah dan Konsep Pengaturcaraan / <i>Problem Solving and Programming Concepts</i> | 3 (2+1) |
| 2. | CCS3101 Pengaturcaraan Berorientasikan Objek / <i>Object-oriented Programming</i>                        | 3 (2+1) |
| 3. | CND3101 Pengaturcaraan Phyton / <i>Phyton Programming</i>  | 3 (2+1) |
| 4. | CSC3005 Pengenalan kepada Sains Data / <i>Introduction to Data Science</i>                               | 3 (2+1) |
| 5. | CSC3007 Kecerdasan Buatan dalam Pertanian / <i>Artificial Intelligence in Agriculture</i>                | 3 (2+1) |
| 6. | SSW3200 Keusahawan Digital / <i>Digital Enteprenuership</i>  | 3 (2+1) |

### **G. FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN / FACULTY OF MEDICINE AND HEALTH SCIENCES**

- |    |  |         |
|----|--|---------|
| 1. | EOH3202 Kesihatan Pekerjaan / <i>Occupational Health</i> | 3 (3+0) |
|----|--|---------|

## H. SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI / SCHOOL OF BUSINESS AND ECONOMICS

1.	ACN3101	Maklumat Perakaunan dan Kewangan / <i>Accounting and Financial Information</i>	3 (3+0)
2.	ECN3010	Prinsip Ekonomi / <i>Principles of Economics</i>	3 (3+0)
3.	ECN3010	Prinsip Ekonomi / <i>Principles of Economics</i>	3 (3+0)
4.	MGM3180	Asas Keusahawanan / <i>Basic Entrepreneurship</i>	3 (3+0)
5.	MGM4184	Pengurusan Perniagaan Kecil / <i>Small Business Management</i>	3 (3+0)
6.	MGM4187	Pengurusan Usahaniaga Baharu / <i>New Venture Management</i>	3 (3+0)
7.	MGM4189	Keusahawanan dan Inovasi / <i>Entrepreneurship and Innovation</i>	3 (3+0)

## I. PUSAT PEMAJUAN KOMPETENSI BAHASA (CALC) / CENTRE FOR THE ADVANCEMENT OF LANGUAGE COMPETENCE (CALC)

1. Bagi Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris (LPE dan CEL), sila rujuk  
[https://calc.upm.edu.my/bahasa\\_inggeris/kursus\\_kemahiran\\_bahasa\\_inggeris-10621](https://calc.upm.edu.my/bahasa_inggeris/kursus_kemahiran_bahasa_inggeris-10621)  
*For English Language Proficiency Courses (LPE and CEL), please refer*  
[https://calc.upm.edu.my/english\\_language/english\\_language\\_proficiency\\_courses-10621?L=en](https://calc.upm.edu.my/english_language/english_language_proficiency_courses-10621?L=en)
2. Bagi Aktiviti Bahasa Inggeris (LAX), sila rujuk  
[https://calc.upm.edu.my/english\\_language/english\\_language\\_activities-10671](https://calc.upm.edu.my/english_language/english_language_activities-10671)  
*For English Language Activities (LAX), please refer*  
[https://calc.upm.edu.my/english\\_language/english\\_language\\_activities-10671?L=en](https://calc.upm.edu.my/english_language/english_language_activities-10671?L=en)



#WeLoveUPM

[www.akademik.upm.edu.my](http://www.akademik.upm.edu.my)

